

12 OCT 2001

Mahathir-Keganasan

JANGAN LAKUKAN KEGANASAN, KATA PM KEPADA UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta umat Islam agar tidak melakukan tindakan keganasan kerana ia bukan cara Islam.

Beliau berkata tindakan keganasan hanya akan membawa kepada lebih banyak masalah kepada umat Islam sendiri.

"Saya ingin menyatakan bahawa keganasan bukan cara Islam. Meskipun wujud layanan yang tidak adil terhadap kita, kita tidak seharusnya melakukan keganasan," kata beliau ketika membuka persidangan Menteri Pelancongan Negara Islam di sini.

Dr Mahathir berkata akibat daripada serangan 11 Sept terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, umat Islam mendapati hidup mereka di negara Barat dan perjalanan mereka di sana amat menyukarkan.

Beliau berkata oleh kerana itu, umat Islam tidak seharusnya mendedahkan diri mereka kepada masalah itu, dan sebaliknya boleh pergi ke negara-negara yang tidak melakukan diskriminasi terhadap mereka.

"Terdapat banyak negara, Islam dan bukan Islam, yang tidak mengamalkan diskriminasi terhadap kita. Buat masa ini kita patut pergi ke negara-negara itu. Apabila keadaan sudah pulih nanti kita bolehlah lakukan semula apa yang biasa kita lakukan dahulu," kata beliau sebagai respons kepada laporan bahawa pelancong beragama Islam disoal dan diperiksa di lapangan terbang-lapangan terbang terutama di Amerika Syarikat selepas peristiwa serangan itu.

"Nampaknya dalam keadaan hari ini dengan menjadi seorang Islam, ia boleh mendatangkan pelbagai masalah. Ekoran peristiwa yang berlaku akhir-akhir ini, setiap orang Islam disyaki sebagai yang berkemungkinan menjadi penganas.

"Sesiapa sahaja yang mempunyai nama Islam, terutamanya jika ia mempunyai perkataan "bin" akan disoal dan diperiksa di lapangan terbang sebagai orang yang disyaki penganas," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang merupakan antara pemimpin dunia yang pertama menyelar serangan 11 Sept tetapi tidak bersetuju dengan serangan udara yang sedang dilakukan oleh Amerika terhadap Afghanistan, berkata adalah sangat tidak adil untuk melayan setiap orang Islam sebagai orang yang disyaki penganas dan mesti disoal dan diperiksa.

"Ia hanya akan mendorong orang Islam membantah dan mungkin menjadi lebih bersimpati kepada golongan Islam yang memilih untuk bertindak ganas sebagai tindakan balas kepada dunia yang tidak bersikap baik kepada mereka."

Beliau sebaliknya mahu umat Islam memajukan negara mereka dan melengkapi diri mereka dengan semua ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk membolehkan mereka melindungi diri mereka tanpa bergantung kepada pihak lain.

Perdana Menteri percaya bahawa apabila umat Islam kuat, kecenderungan untuk membuli mereka akan hilang.

"Ia mungkin mengambil masa yang lama, malah mungkin satu abad untuk berbuat demikian. Tetapi kita sebagai orang Islam perlu bersabar. Kita merupakan umat yang hebat pada satu masa dahulu. Tidak ada sebab kita tidak boleh menjadi umat yang hebat semula," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata apabila umat Islam pada suatu masa nanti menjadi kuat, mereka tidak seharusnya melakukan apa mereka tidak mahu

orang lain lakukan terhadap mereka, termasuk membalas dendam seperti yang dilakukan oleh umat yang sebelum kedatangan Islam.

Dan buat sementara waktu, katanya, umat Islam terpaksa memendam penghinaan, celaan dan tekanan terhadap mereka.

Perdana Menteri mengingatkan umat Islam bahawa mereka hidup dalam tempoh masa yang tidak menentu dengan perubahan-perubahan besar berlaku di sekeliling mereka.

"Perubahan-perubahan ini boleh membawa banyak faedah kepada kita tetapi ia juga boleh membawa banyak keburukan. Jika kita lemah keburukan itu akan menjadi lebih besar kerana kita akan terpaksa melakukan ubahsuaian dan bertindak balas, bukannya sebagai pihak yang melakukan inisiatif.

"Apa sahaja kelebihan yang ada pada kita tidak boleh digunakan dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya ia boleh menjadi tidak relevan malah menjadi penghalang kerana idea seperti globalisasi dirumuskan untuk memberi kelebihan terbaik kepada pihak lain," katanya.

-- BERNAMA

AU AU NMO